



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan) 1988

DR.2/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu” adalah dipinda—
Pindaan-pindaan am. Akta 111.
 - (a) dengan memotong perkataan-perkataan “melalui proses pengawitan-pemanas” di mana jua terdapat dalamnya;
 - (b) dengan menggantikan perkataan “diawit-pemanas” di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan “diawet”, kecuali dalam seksyen 26 (2) di mana perkataan itu, di mana jua terdapat dalamnya, hendaklah dipotong;

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “pengawitan-pemanas tembakau” di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan-perkataan “pengawetan tembakau”;
- (d) tertakluk kepada perenggan (g) seksyen 3, dengan menggantikan perkataan-perkataan “pengilang berlesen” dan “pengilang-pengilang berlesen” di mana jua terdapat dalamnya masing-masing dengan perkataan-perkataan “pembeli berlesen” dan “pembeli-pembeli berlesen”; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan “Pengarah” di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan “Ketua Pengarah”.

Pindaan
seksyen 2.

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan takrif “pegawai kastam” dengan takrif baru yang berikut:

“pegawai kastam” atau “pegawai kanan kastam” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Kastam 1967;”

Akta 235.

- (b) dengan menggantikan takrif “pengilang berlesen” dengan takrif baru yang berikut:

“pembeli berlesen” ertinya seseorang yang dilesen di bawah seksyen 19 untuk membeli tembakau yang diawet;”

- (c) dengan memasukkan selepas sahaja takrif “pengawit berlesen” takrif-takrif baru yang berikut:

“pengawetan” ertinya suatu proses dalam mana daun-daun tembakau atau lain-lain bahagian dari pokok tembakau dikeringkan bagi maksud hendak mengekal dan mematangkannya, dan termasuklah proses pengawetan-pemanas, pengawetan udara, pengawetan api dan pengawetan matahari;

“pengawetan api” ertinya suatu proses pengawetan dalam mana tembakau belum diawet didedahkan kepada api dalam bangsal berganti-udara, bagi membiarkan tembakau itu terkena asap;

“pengawetan matahari” ertinya suatu proses pengawetan dalam mana tembakau belum diawet didedahkan kepada sinaran matahari bagi bahagian utama tempoh pengawetan itu;’;

- (d) dengan menggantikan takrif “pengawitan-pemanas” dengan takrif baru yang berikut:

“ “pengawetan-pemanas” ertinya suatu proses dalam mana tembakau belum diawet dikenakan kepada udara yang dipanaskan melalui suatu sumber panas yang boleh dikawal dalam sesuatu bangunan atau sesuatu bahagian daripadanya yang dibina dengan sesuatu cara supaya angin dan lembapan tidak dibenarkan masuk atau keluar lebih daripada diperlukan bagi menjayakan proses itu;’;

- (e) dengan memasukkan sebelum sahaja takrif “Pengerusi” takrif baru yang berikut:

“ “pengawetan udara” ertinya suatu proses pengawetan dalam mana tembakau belum diawet diganti-udara di bawah keadaan udara semulajadi dengan sedikit atau tiada panas buatan, dalam bangsal berganti-udara seluruhnya;’;

- (f) dengan memasukkan selepas sahaja takrif “pengilang” takrif baru yang berikut:

“ “Pengklas” ertinya seseorang yang dilantik sebagai Pengklas di bawah seksyen 7;’;

- (g) dengan memasukkan sebelum sahaja takrif “tembakau” takrif baru yang berikut:

“perakuan kebenaran” ertinya suatu perakuan kebenaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 19 (2A);;

- (h) dengan memasukkan selepas sahaja takrif “tembakau” takrif baru yang berikut:

“tembakau yang diawet” ertinya tembakau yang telah melalui proses pengawetan; dan

- (i) dengan memotong takrif “tembakau yang diawit-pemanas”.

Penggantian
tajuk
Bahagian II.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan tajuk Bahagian II dengan perkataan-perkataan “LEMBAGA DAN TUGAS-TUGASNYA”.

Pindaan
seksyen 7.

5. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “Merinyu-merinyu Tembakau” dalam subseksyen (1) dan (3), perkataan-perkataan “dan Pengklas-pengklas”.

Pindaan
seksyen 11.

6. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “penyimpanan,” dalam perenggan (a) subseksyen (1), perkataan “pengeksportan,”;
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja koma bertitik dalam perenggan (b) subseksyen (2), perkataan “dan”;
- (c) dengan memotong perkataan “dan” yang terdapat selepas koma bertitik dalam perenggan (c) subseksyen (2) dan menggantikan koma bertitik itu dengan noktah; dan
- (d) dengan memotong perenggan (d) subseksyen (2).

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 11, seksyen baru 11A dan 11B yang berikut: Seksyen baru
11A dan 11B.

“Jawatan-
kuasa-
jawatan-
kuasa.

11A. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa untuk menasihati atau membantu Lembaga dalam apa-apa perkara berkaitan dengan tugas-tugas Lembaga sebagaimana difikirkannya patut.

(2) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa melepaskan tugas, mengubah, meneruskan atau menubuhkan semula mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Seseorang boleh dilantik menjadi seorang ahli suatu jawatankuasa walaupun dia bukannya seorang ahli Lembaga.

(4) Maka hendaklah dibayar apa-apa elaun kepada mana-mana ahli jawatankuasa sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri dengan kelulusan Menteri Kewangan.

(5) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga, tiap-tiap jawatan-kuasa boleh mengadakan peraturan mengenai acaranya sendiri.

Perwakilan. 11B. (1) Lembaga boleh, sama ada secara am atau selainnya sebagaimana diperuntukkan oleh suratcara perwakilan, secara bertulis di bawah meterai biasanya, mewakilkan kepada seseorang atau kepada suatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 11A, mana-mana kuasa atau tugasnya di bawah Akta ini, melainkan kuasa perwakilan ini dan kuasa membuat kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

(2) Sesuatu kuasa atau tugas yang diwakilkan di bawah subseksyen (1) kepada seseorang bolehlah dijalankan oleh orang itu mengikut suratcara perwakilan dan, bila dijalankan sedemikian, hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, disifatkan sebagai telah dijalankan oleh Lembaga.

(3) Suatu perwakilan di bawah seksyen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa dan tidak menghalang perjalanan suatu tugas atau kuasa Lembaga.”.

Pindaan
seksyen 14.

8. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:

“(3) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dalam Akta ini, seorang pembeli berlesen boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan, mengeksport tembakau yang diawet yang dibeli daripada pengawet berlesen.”.

Seksyen
baru 14A.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 14, seksyen baru 14A yang berikut:

“Ejen-ejen. 14A. Bagi maksud-maksud seksyen 13 dan 14, istilah “pembeli berlesen” dan “pengawet berlesen” hendaklah termasuk seseorang yang dibenarkan bertindak untuk atau bagi pihak pembeli berlesen atau pengawet berlesen.”.

Pindaan
seksyen 19.

10. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(1) Seseorang yang berhasrat untuk dilesenkan sebagai pembeli berlesen atau sebagai pengawet berlesen, dan seseorang yang berhasrat untuk bertindak untuk atau

bagi pihak seorang pembeli berlesen atau pengawet berlesen berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam seksyen 13, 14, 16 dan 17, boleh memohon kepada Lembaga mengikut kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan untuk suatu lesen atau untuk suatu perakuan kebenaran, mengikut mana yang berkenaan.”;

(b) dengan memasukkan sebelum sahaja perkataan-perkataan “seorang pengawet berlesen” dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan “seorang pembeli berlesen atau”;

(c) dengan memotong perkataan-perkataan “atau seorang pengilang berlesen” dalam subseksyen (2);

(d) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (2A) yang berikut:

“(2A) Ketua Pengarah boleh, apabila dibayar bayaran yang ditetapkan, membenarkan seseorang pemohon di bawah subseksyen (1) bertindak untuk atau bagi pihak seorang pembeli berlesen atau seorang pengawet berlesen, mengikut mana yang berkenaan, dengan mengeluarkan kepadanya suatu perakuan kebenaran dalam bentuk yang ditetapkan.”; dan

(e) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (7), subseksyen baru (8) yang berikut:

“(8) Peruntukan-peruntukan subseksyen (3), (4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai *mutatis-mutandis* kepada suatu permohonan untuk suatu perakuan kebenaran di bawah subseksyen (1).”.

11. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

- “(3A) Lembaga boleh menggantung lesen selama tempoh yang tidak melebihi enam bulan, dan bukannya membatalkan lesen itu di bawah subseksyen (3), jika difikirkannya patut dan adil berbuat demikian.”; dan

- “(5) Seseorang yang, semasa lesennya digantung di bawah subseksyen (3A), menjalankan apa-apa aktiviti yang dibenarkan di bawah lesen yang digantung itu, atau yang bersengaja tidak mematuhi kehendak-kehendak Lembaga di bawah perenggan (b) subseksyen (4) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

12. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 21, seksyen baru 21A yang berikut:

21A. Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk menggantung, membatalkan atau mengenggan untuk membaharui suatu perakuan kebenaran, dan peruntukan-peruntukan seksyen 21 hendaklah terpakai *mutatis-mutandis* dalam menjalankan kuasa itu.”.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 22 dengan yang berikut: Pindaan
seksyen 22.

“Rayuan. 22. (1) Jika seseorang terkilang dengan sesuatu keputusan Lembaga menggantung, membatalkan atau enggan untuk mengeluarkan atau membatalkan sesuatu lesen, dia boleh, dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya, merayu mengikut cara yang ditetapkan kepada Menteri.

(2) Jika seseorang terkilang dengan sesuatu keputusan Ketua Pengarah menggantung, membatalkan atau enggan untuk mengeluarkan atau membatalkan suatu perakuan kebenaran, dia boleh, dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya, merayu mengikut cara yang ditetapkan kepada Lembaga dan keputusan Lembaga adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(3) Suatu rayuan di bawah subseksyen (1) atau (2) tidak boleh bertindak sebagai suatu penggantungan keputusan yang dibuat di bawahnya, melainkan jika selainnya dibenarkan oleh Lembaga atau Ketua Pengarah, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Menteri hendaklah melantik suatu jawatankuasa bagi maksud mendengar rayuan di bawah subseksyen (1) dan menasihatinya mengenai keputusan yang patut diambil.

(5) Tiada seorang pun ahli Lembaga boleh dilantik menjadi ahli jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (4).

(6) Maka hendaklah dibayar apa-apa elaun kepada mana-mana ahli jawatankuasa sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri dengan kelulusan Menteri Kewangan.

(7) Menteri tidaklah terikat untuk menerima nasihat yang diberikan oleh jawatankuasa yang dilantik di bawah subseksyen (4) tetapi boleh, selepas menimbangkan apa-apa rayuan di bawah subseksyen (1) dan nasihat jawatankuasa itu, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil dan perlu.

(8) Tiap-tiap perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen (7) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.”.

Pindaan
seksyen 24.

14. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pengawitan-pemanas” dalam perenggan (d) dengan perkataan “pengawetan”;
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (g), perenggan baru (ga) yang berikut:
 - “(ga) menentukan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas Pengklas;”;
- (c) dengan memasukkan sebelum sahaja koma bertitik dalam perenggan (h), perkataan-perkataan “selain daripada untuk eksport”;
- (d) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (h), perenggan baru (ha) yang berikut:
 - “(ha) menetapkan cara bagaimana tembakau yang diawet akan dieksport, kualiti tembakau yang diawet yang akan dieksport dan syarat-syarat dan sekatan-sekatan berhubungan dengan kualiti tembakau itu;”;

- (e) dengan memotong perkataan “dan” yang terdapat di akhir perenggan (i) dan memasukkan selepas sahaja perenggan itu, perenggan baru (*ia*) yang berikut:

“(ia) menetapkan amalan-amalan yang hendak dipatuhi atau dielakkan oleh pengawet berlesen atau pembeli berlesen dalam semua aktiviti berhubungan dengan penjualan dan pembelian tembakau; dan”.

15. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dan nota birai dengan yang berikut: Pindaan seksyen 26.

“Levi atas penjualan dan pembelian tembakau.

26. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri Kewangan dan Lembaga, membuat suatu perintah atau perintah-perintah untuk mengena, mengubah atau membatalkan sesuatu ses atau ses-ses ke atas penjualan atau pembelian, atau penjualan dan juga pembelian, tembakau oleh seorang pengawet berlesen, seorang pembeli berlesen, atau seseorang lain yang terlibat dalam industri pengeluaran tembakau, dan boleh, dengan perintah itu atau suatu perintah yang berlainan, menetapkan cara-cara bagaimana ses atau ses-ses itu boleh dilevi.”.

16. Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 36.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “dan mengambil apa-apa tembakau yang dijumpai di dalamnya yang mengenainya pelanggaran atau kesalahan itu disyaki sebagai dilakukan atau telah dilakukan dan apa-apa buku atau suratan yang dipercayai dengan munasabah memberi keterangan mengenai pelanggaran atau berlakunya kesalahan itu” dalam subseksyen (1);

(b) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (b) subseksyen (2) dengan koma bertitik dan perkataan “dan”; dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b) subseksyen (2), perenggan baru (c) yang berikut:

“(c) mengalihkan kenderaan itu ke suatu tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Merinyu Tembakau atau pegawai kastam.”.

Seksyen
baru 36A.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 36, seksyen baru 36A yang berikut:

“Pengam-
bilan
tembakau
yang
menjadi
hal perkara
kesalahan.

36A. Apa-apa tembakau yang mengenainya ada sebab yang munasabah bagi mengesyaki bahawa suatu kesalahan sedang atau telah dilakukan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, bersama-sama dengan apa-apa kenderaan dalam mana tembakau itu mungkin telah dijumpai atau yang telah digunakan berkaitan dengan kesalahan itu, dan apa-apa buku atau surat yang dipercayai dengan munasabahnyanya mempunyai pertalian dengan kes ini atau yang memberi keterangan mengenai berlakunya kesalahan itu, boleh diambil oleh seorang Merinyu Tembakau atau pegawai kastam.”.

Pindaan
seksyen 37.

18. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan sebelum sahaja perkataan “tembakau” dalam baris pertama subseksyen (1), perkataan “apa-apa”; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “tembakau” di mana jua terdapat dalam subseksyen (1) dan (2), perkataan-perkataan “atau kenderaan”.

19. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 38, seksyen baru 38A yang berikut: Seksyen baru 38A.

“Pelepasan sementara tembakau atau kenderaan. 38A. Jika apa-apa tembakau atau kenderaan telah diambil di bawah Bahagian ini, Ketua Pengarah atau pegawai kanan kastam boleh melepaskannya untuk sementara kepada pemunya atau kepada orang yang daripada miliknya, jagaannya atau kawalannya ia diambil, tertakluk kepada pemberian jaminan yang cukup yang memuaskan hati Ketua Pengarah atau pegawai kanan kastam itu bahawa tembakau atau kenderaan itu akan diserahkan balik kepadanya apabila dituntut atau dikemukakan di mahkamah yang berbidangkuasa kompeten.”.

20. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 39 dengan yang berikut: Pindaan seksyen 39.

“Mahkamah memerintah pelepasan atau perampasan. 39. Mahkamah di mana suatu pendakwaan berkenaan dengan tembakau yang diambil di bawah Bahagian ini diadakan hendaklah membuat sesuatu perintah merampas atau melepaskan tembakau itu atau hasil penjualannya, dan apa-apa kenderaan yang diambil bersama-sama dengan tembakau itu, tetapi hendaklah memerintahkan supaya ia dirampas jika dibuktikan dengan memuaskan hatinya bahawa suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan telah dilakukan dan, dalam hal tembakau, bahawa ia adalah hal perkara kesalahan itu atau, dalam hal kenderaan, ia telah digunakan dalam berlakunya kesalahan itu, walaupun tiada seseorang telah disabitkan atas kesalahan itu.”.

21. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “penjualannya” yang terdapat dalam nota

Pindaan seksyen 41.

birai, perkataan-perkataan “dan untuk kenderaan yang diambil”;

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “penjualannya” dalam baris keempat subseksyen (1), suatu koma dan perkataan-perkataan “dan apa-apa kenderaan yang diambil bersama-sama dengan tembakau itu,”;
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “penjualannya” dalam baris kedua subseksyen (2), perkataan-perkataan “atau kenderaan”;
- (d) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “penjualannya” dalam baris ketiga subseksyen (2) dan dalam baris keempat subseksyen (3), perkataan-perkataan “atau kenderaan”; dan
- (e) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan yang berikut:

“(4) Majistret hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki Lembaga dan orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya bagi tembakau atau hasil penjualannya atau kenderaan dan orang daripada siapa tembakau itu atau kenderaan itu telah diambil supaya hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau jika mereka tidak hadir, manakala penyampaian saman itu dibuktikan, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan telah dilakukan dan dalam hal tembakau atau hasil penjualannya, bahawa tembakau itu adalah hal perkara kesalahan itu, atau dalam hal kenderaan, bahawa ia telah digunakan dalam berlakunya kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya tembakau atau hasil

penjualannya atau kenderaan itu, mengikut mana yang berkenaan, dirampas atau, jika bukti itu tidak ada, hendaklah memerintahkan supaya tembakau atau hasil penjualannya atau kenderaan itu dilepaskan.”.

22. Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 42.

- (a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “penjualan tembakau” dalam nota birai, perkataan-perkataan “dan kenderaan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “penjualannya” dalam baris pertama, perkataan-perkataan “atau apa-apa kenderaan”.

23. Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (3) dan (4) yang berikut:

Pindaan
seksyen 45.

“(3) Seorang Merinyu Tembakau atau pegawai kastam yang bertindak di bawah subseksyen (2) boleh membuat atau menyebabkan dibuat salinan-salinan atau cabutan-cabutan daripada apa-apa buku atau suratan, dan salinan atau cabutan itu yang diperakui oleh Merinyu Tembakau atau pegawai kastam itu sebagai salinan atau cabutan daripada salinan asal, hendaklah disifatkan sebagai salinan dan cabutan benar dan betul daripada salinan asal, melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

(4) Seseorang yang dikehendaki oleh seorang Merinyu Tembakau atau pegawai kastam untuk memberi sesuatu pernyataan tentang apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu sedang menyiasat, adalah terikat di sisi undang-undang untuk memberi pernyataan itu.”.

Seksyen baru
45A dan 45B.

24. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 45, seksyen baru 45A dan 45B yang berikut:

“Kesalahan berkenaan dengan maklumat, dsb.

45A. Seseorang yang—

- (a) dengan sengaja memberi atau menyebabkan diberi kepada Merinyu Tembakau atau pegawai kastam butir-butir atau maklumat palsu berkenaan dengan apa-apa perkara yang Merinyu Tembakau atau pegawai kastam itu perlukan dalam perjalanan penyiasatan;
- (b) enggan menjawab atau bersengaja memberi jawapan palsu kepada apa-apa soalan yang disoal oleh mana-mana Merinyu Tembakau atau pegawai kastam bagi maksud mendapatkan apa-apa butir atau maklumat yang diperlukan dalam perjalanan penyiasatan; atau
- (c) enggan mengemukakan apa-apa buku, suratan atau perkara yang diperlukan dalam perjalanan penyiasatan,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara tidak melebihi dua belas bulan atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

45B. Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini yang dilakukan oleh suatu perbadanan dibuktikan telah dilakukan dengan izin atau pembiaran oleh, atau yang akan dikaitkan dengan suatu kecuaiian pihak, mana-mana Pengarah atau pekerja perbadanan itu, atau seseorang yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, ia, dan juga perbadanan itu, melakukan kesalahan dan boleh dibicarakan dan dihukum sewajarnya.”.

25. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 46, seksyen baru 46A yang berikut: Seksyen baru 46A.

“Beban pembuktian. 46A. Dalam mana-mana pendakwaan berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah atau peraturan atas pertuduhan melakukan sesuatu perbuatan yang menyalahi undang-undang melainkan jika orang yang melakukan perbuatan itu berhak berbuat demikian oleh sebab ia adalah pemegang sesuatu lesen, permit, kebenaran, keizinan, kuasa atau pengecualian bertulis yang menghakkannya melakukan perbuatan itu, maka memadailah bagi pihak pendakwa mengata dan membuktikan bahawa orang itu melakukan perbuatan itu dan bebanan hendaklah kemudiannya terletak pada orang yang dituduh itu bagi membuktikan yang ia berhak melakukan perbuatan itu.”.

26. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 47, seksyen baru 47A, 47B dan 47C yang berikut: Seksyen baru 47A, 47B dan 47C.

“Kuasa untuk mengkompaun kesalahan. 47A. (1) Sesuatu kesalahan terhadap Akta atau mana-mana kaedah atau peraturan yang ditetapkan oleh Menteri sebagai suatu kesalahan boleh kompaun, boleh dikompaun oleh Ketua Pengarah atau oleh mana-mana pegawai Lembaga yang khusus diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Lembaga, mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, dengan menerima daripada orang yang dengan munasabahnyanya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit.

(2) Setelah menerima pembayaran di bawah subseksyen (1), prosiding selanjutnya tidaklah boleh diambil terhadap orang itu

berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa tembakau yang diambil yang bersangkutan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan.

Kesalahan menyerang atau menggalang Merinyu Tembakau atau menyelamatkan tembakau yang telah diambil.

47B. Seseorang yang—

- (a) menyerang atau menggalang mana-mana Merinyu Tembakau atau pegawai kastam dalam menjalankan tugasnya di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah atau peraturan;
- (b) menyelamatkan atau berikhtiar untuk menyelamatkan, atau mengarahkan supaya diselamatkan apa-apa tembakau yang telah diambil dengan sempurnanya; atau
- (c) sebelum atau selepas pengambilan, mengarahkan supaya dihilangkan, atau merosakkan, atau memusnahkan apa-apa tembakau untuk menghalang pengambilan atau penyimpanan tembakau itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

Pelbagai kesalahan.

47C. Seseorang yang—

- (a) mengubah secara tipuan sesuatu lesen, perakuan, buku, rekod atau lain-lain suratan yang dikeluarkan atau dikehendaki disimpan di bawah Akta ini; atau
- (b) membuat atau cuba membuat atau mengarahkan supaya dibuat sesuatu catatan tidak betul ke dalam apa-apa

buku, suratan atau suratcara yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penjara tidak melebihi dua belas bulan atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.”.

27. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 49, seksyen baru 49A yang berikut: Seksyen baru 49A.

“Pengecualian daripada liabiliti.

49A. Ketua Pengarah, mana-mana pegawai Lembaga atau mana-mana pegawai kastam tidaklah boleh dipertanggungkan mengenai apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan yang berlaku kepada seseorang atau harta sebagai akibat daripada menjalankan kuasa atau kewajipannya di bawah Akta ini atau apa-apa kaedah atau peraturan, melainkan jika kerugian, kecederaan atau kerosakan itu telah dilakukan dengan sengaja atau oleh kerana sikap tidak peduli atau kecuaiian yang keterlaluan.”.

28. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 50.

- (a) dengan memotong perkataan “dan” selepas koma bertitik dalam perenggan (c);
- (b) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan (d) dengan koma bertitik; dan
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (d), perenggan baru (e) dan (f) yang berikut:
 - “(e) menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun dan acara bagi mengkompaun kesalahan; dan
 - (f) menetapkan cara dan acara bagi mengambil contoh tembakau oleh Merinyu Tembakau, pegawai kastam

atau Pengklas bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana kaedah atau peraturan.”.

Pindaan
Jadual.

29. Jadual kepada Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “, dan saraannya,” dalam perenggan 1 (3); dan
- (b) dengan menggantikan perenggan 1 (4) dengan yang berikut:

“(4) Maka hendaklah dibayar apa-apa saraan kepada Pengerusi dan apa-apa elaun kepada mana-mana ahli Lembaga sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri dengan kelulusan Menteri Kewangan.”.

Peralihan.

30. Tiap-tiap orang, sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini, memegang suatu lesen yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ibu untuk membeli tembakau yang diawet-pemanas hendaklah disifatkan sebagai telah dilesen di bawah Akta ibu untuk membeli tembakau yang diawet sehingga tarikh tamat tempoh lesen itu tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dikenakan kepadanya; dan Lembaga boleh, setelah memberi pemegang lesen notis dan peluang yang munasabah untuk membuat rayuan dan selepas menimbangkan rayuan itu, mengubah terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dikenakan kepada lesen itu bagi maksud menyelaraskannya dengan polisi Lembaga mengenai pengenaan terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan ke atas lesen untuk membeli tembakau yang diawet.

HURAIAN

Sejak permulaannya, polisi Akta Lembaga Tembakau (Perbadanan) 1973 tentang perniagaan tembakau adalah untuk mengawalselia dan mengawal aktiviti-aktiviti berhubungan dengan pengawetan-pemanas tembakau dan perniagaan tembakau

yang telah diawet-pemanas, dan juga untuk membenarkan pengilang-pengilang tembakau sahaja, jika berlesen, untuk membeli tembakau yang diawet-pemanas dan menjalankan lain-lain aktiviti yang berhubungan dengannya. Maka inilah dicadangkan untuk meluaskan skop Akta berkenaan dengan perkara-perkara tersebut supaya ia akan mengawalselia dan mengawal aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan pengawetan tembakau dengan apa cara pun dan perniagaan tembakau yang telah diawet dengan apa cara pun, dan juga, supaya orang-orang amnya, dan bukannya pengilang sahaja, boleh dilesenkan untuk membeli tembakau yang diawet dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengannya termasuklah pengeksportan tembakau yang diawet. Berbagai pindaan kepada Akta yang dicadangkan oleh *fasal 2* dan *3* adalah perlu untuk memberi kesan kepada pertukaran polisi ini.

2. *Fasal 2 (e)* bertujuan menukarkan gelaran jawatan ketua eksekutif Lembaga daripada "Pengarah" kepada "Ketua Pengarah".

3. *Fasal 5* bertujuan memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengambil kerja orang-orang sebagai Pengklas daun-daun tembakau. Kewajipan dan fungsi Pengklas akan dikawalselia melalui kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh Lembaga.

4. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 11 Akta bagi memasukkan pengawalseliaan tembakau untuk eksport sebagai salah satu kewajipan Lembaga.

5. *Fasal 7* bertujuan mengemukakan dua seksyen baru, iaitu seksyen 11A dan 11B. Seksyen 11A memberi kuasa kepada Lembaga supaya menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam melaksanakan tugasnya. Seksyen 11B memberi kuasa kepada Lembaga supaya mewakili mana-mana kuasa dan tugasnya kepada mana-mana orang, atau kepada mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga.

6. *Fasal 8* bertujuan membolehkan pengeksportan tembakau yang diawet.

7. *Fasal 9* bertujuan membenarkan pengawet-pengawet berlesen dan pembeli-pembeli berlesen supaya bertindak melalui ejen-ejen diberikuasa.

8. *Fasal 10* bertujuan memperuntukkan bagi orang-orang yang ingin bertindak sebagai ejen untuk pembeli-pembeli berlesen atau pegawet-pegawet berlesen supaya memohon untuk suatu perakuan kebenaran daripada Ketua Pengarah.

9. *Fasal 11* bertujuan membolehkan Lembaga menggantungkan lesen dan bukan membatalkannya dalam keadaan-keadaan yang Lembaga berpendapat pembatalan itu keterlaluan dan tidak perlu.

10. *Fasal 12* bertujuan memberikan kepada Ketua Pengarah suatu kuasa yang melengkapkan tugas yang diperuntukkan dalam seksyen 19 (2A).

11. *Fasal 13* bertujuan meluaskan skop rayuan bagi membolehkan seseorang yang terkilang dengan suatu keputusan Ketua Pengarah menggantungkan, membatalkan atau enggan mengeluarkan suatu perakuan kebenaran supaya merayu kepada Lembaga.

12. *Fasal 14 inter alia* bertujuan mengemukakan tiga perenggan baru, iaitu, perenggan (ga), (ha) dan (ia) dalam seksyen 24. Perenggan (ha) bertujuan membolehkan Lembaga membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan untuk menetapkan cara bagaimana tembakau akan dieksport dan kualiti tembakau yang akan dieksport itu, sementara perenggan (ia) membolehkan Lembaga mengawalselia pemasaran tembakau.

13. *Fasal 15* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 26 yang berhubung dengan penguasaan ses. Subseksyen (1) yang sedia ada seksyen itu memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan suatu ses atau ses-ses ke atas penjualan tembakau yang diawet-pemanas oleh seorang pengawet berlesen kepada pengilang berlesen. Di bawah subseksyen (1) baru yang dicadangkan, ses atau ses-ses boleh dikenakan ke atas penjualan atau pembelian, atau penjualan dan juga pembelian tembakau dalam apa jua bentuk pun, oleh mana-mana orang yang terlibat dalam industri pengeluaran tembakau.

14. *Fasal 16* bertujuan meminda Akta dengan menghadkan perjalanan kuatkuasa seksyen 36 kepada memberhentikan dan menggeledah kenderaan-kenderaan. Orang yang mengawal kenderaan itu juga dikehendaki mengalihkan kenderaan itu ke mana-mana tempat jika diarahkan berbuat demikian oleh Merinyu Tembakau atau pegawai kastam.

15. *Fasal 17* bertujuan mengemukakan suatu seksyen baru 36A bagi membenarkan penyitaan tembakau, kenderaan dan juga buku-buku dan surat-suratan.

16. *Fasal 18, 20, 21 dan 22* adalah berbangkit daripada pengemukakan seksyen baru 36A.

17. *Fasal 19* mengemukakan seksyen baru 38A untuk membenarkan Ketua Pengarah atau pegawai kanan kastam melepaskan untuk sementara tembakau atau kenderaan sekiranya jaminan yang cukup diberi.

18. *Fasal 23* bertujuan memberi kuasa kepada pegawai penyiasat untuk membuat salinan atau cabutan daripada buku atau suratan. Salinan-salinan dan cabutan-cabutan itu kemudiannya adalah disifatkan sebagai salinan atau cabutan benar daripada salinan asal, melainkan jika dibuktikan sebaliknya. Ia juga bertujuan memaksa seseorang untuk memberi pernyataan kepada Merinyu Tembakau atau pegawai kastam bila dikehendaki berbuat demikian.

19. *Fasal 24* bertujuan mengemukakan dua seksyen baru, iaitu 45A dan 45B. Seksyen 45A adalah berhubung dengan kesalahan yang melibatkan maklumat yang diperlukan oleh pegawai penyiasat. Seksyen 45B bertujuan menjadikan pengarah-pengarah dan pekerja-pekerja sesuatu perbadanan juga bertanggung bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh perbadanan dalam keadaan-keadaan tertentu.

20. *Fasal 25* bertujuan membuat pendakwaan lebih berkesan dalam keadaan di mana isu keesahan atau sebaliknya sesuatu perbuatan adalah dalam pengetahuan khas orang yang dituduh dengan memindahkan beban membuktikan bahawa dia berhak berbuat demikian, kepada orang yang dituduh itu.

21. Seksyen baru 47A yang dicadangkan dalam *fasal 26* bertujuan menjadikan kesalahan-kesalahan tertentu sebagaimana ditentukan oleh Menteri, boleh dikompaun dengan denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit.

22. Seksyen baru 47B sebagaimana dikemukakan oleh *fasal 26* menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang untuk menyerang, menggalang atau mengganggu seorang pegawai penguatkuasa dalam menjalankan secara sah tugas-tugasnya. Seksyen baru 47C adalah berhubung dengan pelbagai kesalahan.

23. *Fasal 27* bertujuan memperuntukkan perlindungan bagi Ketua Pengarah dan lain-lain pegawai penguatkuasa terhadap tindakan guaman yang timbul daripada kerugian atau kecederaan pihak ketiga sebagai akibat daripada perlaksanaan kuasa dan tugas mereka di bawah Akta.

24. *Fasal 28* bertujuan mengemukakan dua perenggan baru (*e*) dan (*f*) seksyen 50. Perenggan (*e*) bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun. Perenggan (*f*) bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan cara-cara dan acara-acara bagi mengambil contoh tembakau.

25. *Fasal 29* bertujuan meminda Jadual supaya perkara-perkara berkaitan dengan pembayaran saraan kepada Pengerusi dan elaun kepada ahli-ahli Lembaga hendaklah dirujuk kepada Menteri Kewangan.

26. *Fasal 30* adalah suatu peruntukan kecualian yang bertujuan memelihara kepentingan orang-orang yang sebelum sahaja berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini dilesenkan untuk membeli tembakau yang diawet-pemanas. Dengan berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, orang-orang tersebut boleh meneruskan aktiviti-aktiviti mereka sehingga tamatnya lesen itu secara biasa.

27. Pindaan-pindaan lain adalah berbangkit atau kecil semata-mata.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya tidak dapat ditentukan pada masa ini. [PN. (U²) 848.]